

Kemaskini Terma dan Syarat Kempen Seikhlas Wakaf ASNB ("Kempen")

Terma & Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh ASNB Wakalah Sdn Bhd (No. Pendaftaran 202101002976 (1403274-P)) ("AWSB").
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 01 Januari 2025 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 30 November 2025 ("Tempoh Kempen").
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit tabung unit amanah di bawah kendalian Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB") yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas ("Peserta") kecuali rakan sekerja Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") sepanjang Tempoh Kempen:
 - a) PNB;
 - b) ASNB;
 - c) Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W));
 - d) PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A));
 - e) PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U));
 - f) Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201901007717 (1317044-M));
 - dan
 - g) Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
4. AWSB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakny.

Mekanisme Kempen

Kempen terbahagi kepada dua kategori seperti di bawah:

1. Kategori (A) : myASNB ("Kategori (A)")

Platform	Kumpulan	Jumlah Pemenang Bulanan	Jenis Hadiah
myASNB	Pertama (Januari – Mac)	Lima puluh (50) Pewakaf	• Tiga puluh (30) pewakaf terawal pada setiap bulan dengan minimum wakaf bernilai RM1,000.00 sahaja akan memenangi satu (1) helai AMRU-Kain Pelikat Basic • Dua puluh (20) pewakaf terawal pada setiap bulan dengan minimum wakaf bernilai RM3,000.00 sahaja akan memenangi satu (1) helai AMRU-Sakeena Sajada
	Kedua (April – Julai)	Lima puluh (50) Pewakaf	Lima puluh (50) pewakaf terawal setiap bulan dengan minimum wakaf bernilai RM1,000.00 sahaja akan memenangi Baucar 'Touch N Go' bernilai RM30.00.
	Ketiga (Ogos - November)	Lima puluh (50) Pewakaf	• Tiga puluh (30) pewakaf terawal pada setiap bulan dengan minimum wakaf bernilai RM1,000.00 sahaja akan memenangi satu (1) helai AMRU-Kain Pelikat Basic • Dua puluh (20) pewakaf terawal pada setiap bulan dengan minimum wakaf bernilai RM3,000.00 sahaja akan memenangi satu (1) helai AMRU-Sakeena Sajada

- 1.1. Kategori (A) hanya terhad kepada Peserta yang berwakaf melalui platform myASNB.
- 1.2. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pemegang unit lain dan / atau individu lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan setiap Peserta hanya layak untuk mendapat satu (1) hadiah sahaja pada setiap Kumpulan sepanjang Tempoh Kempen.
- 1.3. Hadiah akan dihantar melalui emel atau pos ke alamat rumah mengikut maklumat yang didaftarkan di dalam sistem ASNB dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja tidak termasuk cuti umum selepas tarikh akhir bagi setiap Kumpulan:

Kumpulan	Tarikh Akhir
Pertama	31/3/2025
Kedua	31/7/2025
Ketiga	30/11/2025

2. Kategori (B) : Cabutan Seikhlis Wakaf ASNB ("Kategori (B)")

Cabutan	Tarikh Cabutan	Jenis Hadiah	Jumlah Pemenang
Pertama	1 April, 2025	1 x Pakej Umrah Bernilai RM15,000	1
		2 x 5-gram Kepingan Emas	2
Kedua	1 Ogos, 2025	1 x Pakej Umrah Bernilai RM15,000	1
		2 x 5-gram Kepingan Emas	2
Ketiga	1 Disember, 2025	1 x Pakej Umrah Bernilai RM15,000	1
		2 x 5-gram Kepingan Emas	2

Nota: Nilai hadiah berupa pakej umrah tersebut di atas adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dan perubahan berdasarkan kos sebenar yang ditentukan oleh penyedia perkhidmatan umrah.

2.1. Kategori (B) merangkumi tiga (3) cabutan sepanjang Tempoh Kempen dan Peserta yang layak menyertai Kategori (B) ini haruslah memenuhi syarat-syarat berikut:

Jumlah Wakaf (Minimum RM1,000.00)	✓
Pewakaf Baru atau Sedia ada	✓
Transaksi Wakaf melalui myASNB atau Cawangan ASNB atau Ejen ASNB	✓
Peserta Kategori (A) juga layak menyertai Kategori (B)	✓

2.2. Setiap Peserta yang berjaya melaksanakan transaksi wakaf akan mendapat satu (1) penyertaan bagi setiap RM1,000.00 sahaja dan had maksima penyertaan bagi setiap Peserta adalah sebanyak lima puluh (50) sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

2.3. Peserta hanya layak untuk mendapat satu (1) hadiah sahaja dalam Kategori (B) sepanjang Tempoh Kempen.

2.4. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pemegang unit lain dan / atau individu lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.

2.5. Mesti mendaftar untuk menyertai kempen, melalui pilihan 2 cara berikut:

1. Mengisi borang pendaftaran online (Microsoft Form) melalui QR code yang dipaparkan dalam semua kandungan bahan promosi Kempen. Maklumat berkaitan pendaftaran kempen melalui online form juga boleh didapati dalam promosi Kempen di laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my), portal myASNB (www.myASNB.com.my), aplikasi myASNB, media sosial ASNB dan mana-mana saluran media yang berkaitan. Peserta hanya perlu mendaftar melalui borang online sekali sahaja untuk Tempoh Kempen.
2. Sekiranya Peserta tidak mengisi borang pendaftaran online (Pilihan 1), tetapi Peserta mengisi frasa '**SeikhlisWakaf**' pada 'Kod Rujukan' semasa membuat transaksi wakaf melalui aplikasi myASNB dengan minimum pelaburan yang layak untuk Kempen ini, Peserta juga telah dikira sebagai telah mendaftar untuk Kempen ini.

Pemilihan Pemenang

1. Pemenang bagi Kategori (B) akan dipilih secara rawak melalui sistem berkomputer yang dikendalikan oleh pihak AWSB.
2. Pemenang bagi Kategori (A) dan Kategori (B) akan dihubungi oleh pihak AWSB dan Pemenang mesti mempunyai alamat, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah dan didaftarkan dengan ASNB untuk pemberitahuan dan pengesahan.
3. Pemenang bagi Kategori (B) akan dihubungi oleh AWSB melalui panggilan telefon dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas setiap cabutan pada waktu bekerja dan akan disusuli dengan surat rasmi melalui e-mel asnbwakalah@pnb.com.my.
4. Pemenang bersetuju maklumat peribadi dikongsi bersama pihak pembekal yang dilantik bagi tujuan pengeposan/penebusan Hadiah.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan dan mengizinkan AWSB untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan segala maklumat dan butiran peribadi Peserta yang telah diberikan kepada AWSB semasa menyertai Kempen ini termasuklah gambar rakan sekerja dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") selaras dengan polisi privasi ASNB seperti yang dinyatakan dalam laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan kumpulan syarikat, ejen yang diberi kuasa dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi tersebut secara sulit) bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan serta perkhidmatan berkaitan yang lain dan bagi tujuan lain menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
2. Peserta bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan AWSB untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Peserta dan/atau pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
4. Setakat mana yang diperuntukkan oleh undang-undang, AWSB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.
5. AWSB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan AWSB.
6. AWSB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen ini atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
7. AWSB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Sebarang keputusan oleh AWSB bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Sekiranya pemenang bagi Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh AWSB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak AWSB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
11. Penyertaan dalam Kempen ini adalah tidak tertakluk kepada hadiah yang tersedia untuk Peserta melalui aktiviti di lapangan, sekiranya ada.
12. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.